

14 JAN 1997

Iraq-Malaysia

IRAQ MINTA MALAYSIA GUNA PENGARUH UNTUK TARIK BALIK SEKATAN

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Iraq telah meminta Malaysia menggunakan pengaruhnya untuk membantu menarik balik sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap negara itu sejak enam tahun lalu berikutan penaklukan ke atas Kuwait.

Speaker Parlimen Iraq Dr Sadoon Hamadi hari ini berkata Malaysia merupakan anggota beberapa badan berpengaruh seperti Bangsa-bangsa Bersatu, Asean dan kumpulan negara Islam atau D-8 yang baru ditubuhkan.

"Malaysia mempunyai ramai rakan di seluruh dunia," katanya pada persidangan berita sebagai mengakhiri lawatannya selama enam hari ke negara ini di sini.

Sadoon, yang akan ke Filipina esok, menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri kabinet.

Beliau berkata walaupun menghadapi sekatan, adalah selamat bagi syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di Iraq kerana kerajaan di sana stabil dan rakyatnya bersatu.

"Tidak ada apa yang perlu dibimbangkan...kerajaannya stabil dan keadaan adalah normal di sana...kita telah dapat memperbaiki bangunan-bangunan yang rosak dan program pembangunan sedang berjalan dengan licin," katanya.

Sadoon turut menjemput Petronas untuk menyertai program petroleum di Iraq yang termasuk mengimport peralatan jentera dan kepakaran teknikal.

"Iraq mempunyai sasaran untuk meningkatkan pengeluaran minyaknya kepada tiga juta tong sehari dan kami mahu Malaysia mengambil bahagian dalam program itu," katanya. -- BERNAMA

ARA AKD